

## ‘Trade War’: Sekatan Perdagangan Jerman di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1914-1918

‘Trade War: The Trade Blockade on German in the Federated Malay States, 1914-1918

MOHD SHAZWAN MOKHTAR & MOHD SAMSUDIN

### ABSTRACT

*This article examines the trade blockade on German and British enemies in Federated Malay States (FMS) by the Federal Council (FC). The British trade blockade in the FMS attempted to secure the state's position as a valuable world raw material exporter to prevent the enemies from getting their supplies for their armory development. The establishment of an FC in 1909, marked the British successful effort to gain more control over the state's administration and perform the blockade policy. The history methodology was used to analyse the important documents such as the F.M.S Shorthand Report, British High Commissioner files, F.O 371 and 372 and C.A.B 38. The British High Commissioner had an autonomous power in FC administration which was to transact the legislative and other business of the FMS, especially on the financial administration to develop colonial capitalism. It argues that the British economic interest in the FMS was protected by the FC during the First World War. The British's failure to compete with the German economic growth at the international level was an important factor on the trade blockade. Furthermore, the trade blockade was also a war strategy by the British government to weaken German's military strength through the economic war. The findings have shown that the trade blockade policy of the FC succeeds to weaken German economic interest in the FMS, and the FMS was directly involved as a British proxy in World War I. This article concludes that the trade blockade policy has been a long-term strategy by the British to protect her economic interest since before the war.*

*Keywords: Economic history; trade blockade; Federated Malay States; German; World War I*

### ABSTRAK

*Artikel ini menganalisis usaha sekatan perdagangan oleh Majlis Mesyuarat Persekutuan (MMP) di peringkat persekutuan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) terhadap aktiviti perniagaan dan perdagangan Jerman dan negara-negara musuh Britain. Pelaksanaan dasar sekatan perdagangan oleh British di NNMB merupakan usaha untuk melindungi kedudukan NNMB sebagai pengeksport bahan mentah penting dunia, agar pihak musuh gagal untuk mendapatkan sumber bahan mentah untuk pembangunan ketenteraan. Kejayaan British menguasai pentadbiran NNMB menerusi penubuhan MMP pada tahun 1909, telah membolehkan usaha sekatan perdagangan ini dilaksanakan secara sah mengikut enakmen NNMB. Metodologi kajian sejarah digunakan untuk menganalisis dokumen penting seperti F.M.S Shorthand Report, fail-fail Persuruhjaya Tinggi British, F.O 371 & 372 dan C.A.B 38. Persuruhjaya Tinggi British memiliki autonomi kuasa pentadbiran dalam MMP seterusnya telah membolehkan kerajaan kolonial mentadbir kewangan dan menggalakkan lagi pembangunan kapitalisme kolonial di NNMB. Pihak British menggunakan MMP sebagai alat penting bagi memastikan kepentingan ekonomi British tidak terganggu ketika era perang. Faktor penting usaha sekatan ekonomi ini dilakukan ialah kegagalan Britain untuk bersaing dengan kemajuan ekonomi Jerman di peringkat antarabangsa. Tambahan lagi, usaha sekatan perdagangan ini juga merupakan strategi peperangan British untuk melemahkan kekuatan militer Jerman menerusi ‘perang ekonomi’. Kajian mendapati usaha sekatan perdagangan ini merupakan strategi jangka*

panjang yang dilakukan oleh British untuk memelihara kepentingannya di seluruh dunia sejak era sebelum perang. Hasil kajian ini membuktikan keberkesanan dasar sekatan perdagangan oleh MMP berjaya melemahkan kepentingan ekonomi Jerman di NNMB, dan sememangnya NNMB telah terlibat secara langsung dalam Perang Dunia Pertama sebagai proksi British.

*Kata kunci: Sejarah ekonomi; sekatan perdagangan; Negeri-Negeri Melayu Bersekutu; Jerman; Perang Dunia Pertama*

## PENGENALAN

Sebelum berlakunya Perang Dunia Pertama, Britain, Jerman, Perancis dan Amerika Syarikat merupakan antara negara barat yang menjadi peneraju pembangunan industri dan komersial. Negara-negara ini turut membentuk hubungan ekonomi antara satu sama lain yang menjadikan mereka saling bergantung untuk mendapatkan bekalan bahan mentah. Oleh sebab itu, sebelum tahun 1909 Britain telah berusaha untuk mengelakkan sebarang peperangan yang boleh memusnahkan perdagangannya (Azlizan 2010). Walau bagaimanapun, hubungan ekonomi antarabangsa ini mula terganggu apabila Britain mula menyekat kapal-kapal Jerman, Turki, Austria-Hungary setelah mengisytiharkan perang terhadap negara-negara tersebut. Strategi 'sekatan perdagangan' merupakan satu strategi penting untuk mengekalkan supremasi armada British sejak awal abad ke-18 lagi. Usaha sekatan perdagangan ini menjadi lebih signifikan apabila British mengisytiharkan perang terhadap Jerman pada tahun 1914 dengan memberi tumpuan untuk menyekat bekalan produk makanan dan bahan mentah ke pelabuhan-pelabuhan Jerman dan negara-negara kuasa pusat (Austria-Hungary, Turki dan Bulgaria).

Seterusnya, tindakan kerajaan British mengusulkan penubuhan *International Prize Court* (IPC) menerusi Deklarasi London pada tahun 1909 pula merupakan usaha awal untuk membentuk sistem sekatan perdagangan antarabangsa. Penubuhan IPC amat penting bagi British untuk mendapatkan persetujuan daripada kuasa-kuasa maritim dunia untuk membentuk undang-undang maritim antarabangsa menjelang Perang Dunia Pertama. Kejayaan British meyakinkan kuasa-kuasa maritim dunia untuk menubuhkan IPC telah membolehkan usaha sekatan terhadap perdagangan Jerman dapat dilaksanakan dengan lebih efektif. Pada tahun 1917, Jerman dan negara-negara kuasa pusat (*central power*) telah gagal

untuk mendapatkan sumber produk makanan yang mencukupi untuk negara masing-masing. Usaha sekatan ini turut dikenali sebagai *hunger blockade* yang menyekat bekalan produk makanan terhadap Jerman dan negara-negara kuasa pusat. Strategi ini telah menjadi faktor penting yang menyebabkan kekalahan Jerman dalam Perang Dunia Pertama menerusi Perjanjian Versailles dimeterai pada tahun 1919 (The National Archives 2016). Bahkan, tindakan British untuk meneruskan usaha sekatan perdagangan selepas tahun 1919 pula merupakan satu tindakan oleh British untuk memastikan Jerman tidak mampu untuk bangkit sekali lagi sebagai sebuah kuasa ketenteraan yang mempunyai kekuatan ekonomi perdagangan.

Walaupun situasi perang berlaku di Eropah, usaha sekatan perdagangan terhadap Jerman ini turut dilakukan oleh British di tanah-tanah jajahan dan negeri-negeri naungannya. Menerusi Proklamasi Diraja pada 8 November 1914, British telah menghalang rakyat dan tanah jajahannya daripada terlibat secara langsung atau menghulurkan bantuan atau menjadi pemiutang bagi sebarang tabung pinjaman kepada negara-negara musuh. Proklamasi ini turut terpakai di NNMB dan Tanah Melayu secara keseluruhannya yang dikuatkuasakan oleh Persuruhjaya Tinggi British (Selangor State Government 1915). Justeru, MMP telah memainkan peranan penting bagi memastikan usaha sekatan perdagangan terhadap Jerman juga dilaksanakan di NNMB. MMP berperanan penting untuk meluluskan enakmen-enakmen berkaitan sekatan perdagangan. Dalam penulisannya, Ahmad Kamal (2009) menjelaskan MMP telah terlibat secara diam dalam membantu British menghadapi Perang Dunia Pertama. Beliau tidak menolak pandangan, bahawa peranan MMP dalam meluluskan enakmen-enakmen persekutuan NNMB ini sebenarnya merupakan adaptasi daripada undang-undang British di London.

## PERSEKUTUAN NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU

Perjanjian Persekutuan 1895 antara Gabenor Negeri-Negeri Selat (NNS) dengan Raja-Raja Melayu bagi negeri Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Pahang telah membawa kepada persetujuan untuk membentuk satu persekutuan yang dikenali sebagai *Federated Malay States*. Menerusi perjanjian persekutuan ini juga, Raja-Raja Melayu di NNMB turut bersetuju bahawa persekutuan akan ditadbir dengan nasihat kerajaan British (Colonial Office 1896-1948). Justeru, pegawai pentadbir yang dikenali sebagai Residen Jeneral (kemudiannya dikenali sebagai Ketua Setiausaha sejak tahun 1911) dilantik sebagai ejen dan perwakilan kerajaan British dalam pentadbiran di peringkat persekutuan. Pembentukan persekutuan NNMB merupakan satu strategi penting bagi British untuk mengurangkan kebergantungan negeri-negeri miskin khususnya Pahang terhadap NNS. Justeru, menerusi perjanjian persekutuan ini, pihak British akan dapat menggunakan sumber negeri-negeri yang kaya (Perak dan Selangor) untuk membantu negeri-negeri yang miskin tersebut. Hal ini kerana keyakinan pihak British terhadap potensi sumber mineral yang dimiliki oleh NNMB mampu membawa pulangan pendapatan yang tinggi untuk menampung perbelanjaan yang besar. Tambahan lagi, menerusi pembentukan persekutuan NNMB, sistem kewangan NNMB telah dapat diseragamkan dibawah pentadbiran Persurujaya Kewangan yang juga mentadbir perbendaharaan dan audit bagi NNMB (Swettenham 1906).

Penubuhan MMP pada tahun 1909 telah menjadi titik tolak kepada perubahan struktur pentadbiran NNMB apabila keseluruhan pentadbiran telah dipusatkan di bawah bidang kuasa MMP. Majlis ini diketuai seorang Presiden yang juga merupakan Persurujaya Tinggi British di Tanah Melayu dan Gabenor NNS. Selain itu, MMP turut dianggotai Ketua Setiausaha NNMB, Sultan Selangor, Sultan Perak, Yamtuan Negeri Sembilan, Sultan Pahang, 4 orang Residen British, Penasihat Undang-Undang, Penasihat Kewangan dan 6 orang ahli tidak rasmi yang dipersetujui oleh Pesuruhjaya Tinggi British (F.M.S. Government Annual Report 1921). Sir Idris Meusid-El Azzam Shah, Sultan Perak yang mewakili Raja-Raja Melayu telah menyampaikan titah baginda dalam sidang pertama MMP pada tahun 1909 mengatakan bahawa keberangkatan Raja-Raja Melayu dalam

persidangan MMP adalah sebagai tanda *loyal duty* kepada Raja England (King Edward VII) yang memberi kebenaran untuk menubuhkan MMP. Oleh sebab itu, pada tahun 1912 juga Sultan Perak telah mencadangkan agar persekutuan NNMB menghadiahkan kapal H.M.S Malaya kepada kerajaan British. Pemberian hadiah kapal perang ini juga merupakan satu bentuk bantuan dari NNMB untuk membantu British mengukuhkan empayar dan supremasi maritimnya. Walaupun persekutuan NNMB merupakan negeri-negeri naungan' British, Persurujaya Tinggi British ketika itu (Sir Arthur Henderson Young) menegaskan sikap dan tindakan yang dilakukan MMP ini merupakan langkah untuk menjadikan NNMB sebahagian daripada empayar British ataupun *protected by the Empire* (F.M.S. Government 1909 & 1912).

Kerajaan British menggunakan MMP sebagai alat untuk mengabsahkan segala penglibatannya bukan sahaja dalam urusan pentadbiran NNMB, bahkan kawalan terhadap kegiatan ekonomi NNMB khususnya dalam sektor perdagangan. Hal ini kerana, menerusi MMP, British mempunyai kapasiti untuk melindungi kepentingan ekonomi komuniti pedagang dan kapitalis Eropah di NNMB. Tindakan memusatkan pentadbiran ekonomi secara khusus adalah untuk melindungi kepentingan ekonomi British di NNMB yang terjejas dengan penembusan pedagang asing sejak awal abad ke-20. Dalam penulisannya, Frank Swettenham mengakui "*I have failed to safeguard the future interest of the Government and retain the power to share in the rising value of alienated lands*" (Swettenham 1906: 278). Justeru, tindakan MMP meluluskan enakmen *The Chief Secretary (Incorporation)*, 1911 merupakan bukti penting yang menunjukkan penglibatan dan kawalan kerajaan NNMB dalam sektor perdagangan yang ketat. Berdasarkan enakmen ini, asas penting doktrin neomerkantilisme yang dapat dikenal pasti ialah, (i) kawalan optimum oleh kerajaan dalam urusan perbelanjaan, (ii) keutamaan pengumpulan lebihan (*surplus*) perdagangan dan (iii) kawalan kerajaan terhadap hubungan perdagangan antarabangsa. Enakmen ini turut menjadi asas kepada usaha sekatan perdagangan musuh British yang sah di NNMB ketika Perang Dunia Pertama (Mohd Shazwan 2016). Rajah 1 memaparkan peta semenanjung Tanah Melayu yang mewujudkan garis sempadan persekutuan NNMB pada awal tahun 1900 yang turut menggambarkan jaringan landasan kereta api di pelabuhan-pelabuhan utamanya.



RAJAH 1. Peta Semenanjung Tanah Melayu pada Tahun 1900

Sumber: Belfield, C. 1902. hlm: v

### SEKATAN MARITIM ANTARABANGSA SEBELUM 1914

Pada tahun 1900, kerajaan Jerman telah meluluskan Undang-Undang *Navy* sebagai langkah untuk menjaga keselamatan maritim dan kepentingan perdagangannya. Tindakan ini merupakan kesedaran kerajaan Jerman terhadap pengalaman negaranya yang pernah menghadapi sekatan maritim sehingga menyebabkan perdagangan maritimnya lumpuh dan membawa kepada *fatal conditions economically*. Berdasarkan undang-undang ini kerajaan Jerman telah mengambil langkah untuk membina kekuatan armada laut terutamanya pembinaan kapal perang yang kuat. Sejak tahun 1901 hingga tahun 1917 Jerman memiliki 17 buah *Ships of the Line*, 10 buah *Large Cruisers* dan 29 buah *Small Cruisers* (O'rgan 1915). Usaha pembangunan maritim ini telah menarik perhatian British sejak tahun 1908 lagi. Lantas British menggunakan *The London Naval Conference* yang telah diadakan pada tahun 1909, untuk mendapatkan persetujuan daripada kerajaan Austria-Hungary, Perancis, Jerman, Itali,

Jepun, Rusia, Sepanyol dan Amerika Syarikat yang dianggap sebagai *Great Naval Power* untuk membentuk IPC. Mahkamah ini merupakan sebuah institusi kehakiman antarabangsa yang menyelesaikan pertikaian isu-isu perdagangan maritim.

Menerusi *The London Naval Conference* juga British berjaya mendapatkan persetujuan negara-negara berkecuali untuk melaksanakan sekatan perdagangan terhadap Jerman. Pada peringkat awal sebelum perang, kuasa-kuasa maritim dunia seperti Belanda, Sweden, Denmark, Argentina, Norway, Sepanyol, Switzerland, Venezuela dan Chile merupakan negara-negara yang berkecuali yang membuka pelabuhan mereka kepada Jerman dan negara musuh British yang lain. Oleh itu, persetujuan dari negara-negara ini amat penting bagi kerajaan British, agar usaha sekatan dapat dilakukan bukan sahaja di pelabuhan empayar dan sekutunya, bahkan di pelabuhan negara-negara berkecuali. Tambahan lagi, menurut Osborne (2013: 33-34) penganjuran *The London Naval Conference* oleh British adalah untuk membentuk pakatan dalam kalangan negara-negara Eropah untuk bersaing dengan kemaraan maritim Jerman sejak awal abad ke-20. Hanya menerusi persidangan ini British berjaya mendapatkan persetujuan dari negara-negara anggota agar kapal-kapal perdagangan dibolehkan untuk dijadikan sebagai kapal perang di perairan yang bebas daripada penguasaan undang-undang mana-mana negara (His Britannic Majesty's Government 1909-1910). Walaupun begitu, tindakan awal British mengecualikan Belanda daripada persidangan ini menyebabkan kerajaan Belanda menuntut agar negaranya dijemput dalam *The London Naval Conference*. Akhirnya, menerusi desakan berterusan oleh kerajaan Belanda dan pertimbangan Sir H. Howard, diplomat British, Belanda akhirnya telah dijemput menyertai *The London Naval Conference* pada tahun 1909. Perubahan sikap British ini disebabkan kebimbangan kesan buruk yang bakal diterima Britain dalam hal ehwal hubungan dua halanya dengan Belanda sekiranya negara tersebut tidak dijemput sebagai anggota *The London Naval Conference*. Pada ketika itu Belanda mempunyai kekuatan maritim yang lebih kuat dari Sepanyol (His Britannic Majesty's Government 1909-1910). Pada 26 Februari 1909 kesemua negara anggota telah menandatangani Deklarasi London dalam *The London Naval Conference* yang diiktiraf sebagai satu undang-undang maritim antarabangsa.

Bab pertama deklarasi ini menyatakan 6 artikel perjanjian yang dipersetujui negara-negara anggota dalam hal berkaitan sekatan perdagangan ketika era perang. Artikel-artikel tersebut ialah

- i. *Article I: A blockade must not extend beyond the ports and coasts belonging to or occupied by the enemy.*
- ii. *Article II: A blockade, in order to be binding, must be effective – that is to say, it must be maintained by a force sufficient really to prevent access to the enemy coastline.*
- iii. *Article III: The Question whether a blockade is effective is question of fact.*
- iv. *Article IV: A blockade is not regarded as rised if the blockading force is temporarily withdrawn on account of stress of weather.*
- v. *Article V: A blockade must be applied impartially to the ships of all nations.*
- vi. *Article VI: The commander of a blockading force may give permission to a war-ship to enter, and subsequently to leave, a blockaded port* (Scott 1919: 134-173).

Kejayaan British menjadikan isu sekatan maritim sebagai prinsip utama dalam Deklarasi London menunjukkan keutamaan British untuk menjaga keselamatan negaranya menerusi kuasa maritim. Kerajaan British juga menggunakan *The London Naval Conference* sebagai salah satu strategi perang untuk melemahkan kuasa tentera laut negara Austria, Perancis, Jerman, Itali dan Rusia dengan cara menyekat aktiviti perdagangan yang merupakan nadi kekuatan armada laut negara-negara anggota Deklarasi London (His Britannic Majesty's Government 1909-1910).

Deklarasi London penting bagi British untuk menghadapi persaingan kuasa laut dengan Jerman yang berlaku sejak tahun 1906. British telah menggunakan kesempatan untuk menghalang semua bentuk perdagangan sama ada di pelabuhan British atau mana-mana pelabuhan negara berkecuali daripada dimasuki oleh pedagang Jerman. Pada tahun 1912, angkatan laut British telah menyerang kapal-kapal dagang Jerman kerana tindakan negara tersebut yang mula mengancam kedaulatan Belgium yang merupakan sebuah negara berkecuali di bawah tanggungjawab British. Bahkan pada ketika ini juga, British telah mula menguatkuasakan haknya untuk menghalang warganegaranya untuk berdagang dengan negara musuh terutamanya Jerman. Tambahan lagi,


menerusi Deklarasi London juga British telah mempunyai kuasa untuk menghalang pedagang-pedagang Jerman dari memasuki pelabuhan di wilayah Rotterdam dan Antwerp (His Britannic Majesty's Government 1909-1910). Usaha sekatan ini menjadi strategi perang penting bagi British, kerana British sedar bahawa mereka tidak akan mampu menandingi kekuatan militer Jerman yang berasaskan kekuatan ekonomi negara tersebut. Oleh itu, bagi melumpuhkan kekuatan militer Jerman, serangan terhadap ekonominya perlu dilakukan oleh Britain menerusi sekatan ekonomi terutamanya dalam sektor perdagangan.

#### USAHA SEKATAN EKONOMI MENJELANG PERANG DUNIA 1

Usaha sekatan ekonomi oleh British terhadap Jerman ketika Perang Dunia Pertama bermula setelah British mengisytiharkan perang terhadap Jerman pada 4 Ogos 1914 (Osborne 2013). Menyedari usaha sekatan perdagangan yang dilakukan oleh British ini, pedagang-pedagang Jerman telah menjadikan pelabuhan negara berkecuali sebagai tempat berlindung. Hal ini kerana, negara-negara berkecuali diiktiraf kedaulatannya dan tidak akan diserang oleh mana-mana negara ketika era perang. Sejak bulan Julai 1914, sebanyak 623 buah kapal berenjin wap dari Jerman dan 101 buah kapal berenjin wap dari Austria telah berlindung di pelabuhan negara-negara berkecuali (Guichard 1930). Selain untuk mengelak daripada memasuki perairan yang dikawal oleh tentera bersekutu, pedagang-pedagang Jerman menggunakan pelabuhan negara-negara berkecuali ini sebagai tempat transit dan pasaran komoditi mereka. Terdapat juga sebahagian pedagang Jerman yang menggunakan pelabuhan negara-negara berkecuali sebagai jalan belakang untuk memasarkan barangan mereka ke negara-negara tentera bersekutu. Oleh itu, British telah menggunakan Tentera Laut Dirajanya sebagai langkah awal untuk menyekat kesemua kapal dagang Jerman. Operasi *The Dover Patrol* telah digerakkan oleh kerajaan British untuk menyekat kesemua laluan masuk perdagangan ke Selat Dover. Menurut pegawai pemerintah *The Dover Patrol*, iaitu Admiral Sir Reginald Bacon, kekuatan tentera laut merupakan prinsip strategi berperangan asas untuk menghadapi ancaman Jerman ketika perang. Justeru, operasi *The*

*Dover Patrol* merupakan strategi perang penting untuk menyekat kemaraan kapal-kapal perang Jerman daripada memasuki perairan Belgium. Manakala, bagi menghadapi pencerobohan kapal-kapal selam Jerman, sepanjang laluan ini telah

diletakkan perisik api di dasar laut. Sungguhpun begitu, peringkat awal sekatan perdagangan ini mengalami masalah kerana Britain kekurangan kelengkapan kapal perang.



RAJAH 2. Ilustrasi *The Dover Patrol* pada Tahun 1917.

Sumber: Bacon, R. 1919. Vol. II, hlm. 644.

Reaksi Jerman untuk menghadapi sekatan ini ialah dengan menghantar kapal perangnya untuk memecahkan sekatan yang dilakukan oleh British. Bahkan, Britain dan Jerman turut saling menahan kapal antara kedua-dua negara seperti yang digambarkan dalam Jadual 1. Pergelutan Jerman dalam menghadapi sekatan perdagangan ini menunjukkan wujudnya kepentingan ekonomi yang besar menerusi sektor perdagangannya. Sektor perdagangan amat penting bagi Jerman kerana sektor ekonomi inilah yang menjadi tunjang kekuatan ekonominya. Hasil pertanian Jerman

yang tinggi telah membolehkan Jerman menjadi pengimport produk makanan penting di Eropah. Pada tahun 1913, nilai import Jerman melebihi nilai eksportnya iaitu £100,000,000 bagi produk makanan dan £172,000,000 bagi barang mentah yang penting untuk pembangunan industrinya. Oleh itu, tidak mungkin berlakunya pertumbuhan ekonomi Jerman sekiranya negara tersebut tidak menembusi pasaran perdagangan sebagai pembekal produk makanan dan bahan mentah untuk mendapatkan keuntungan bagi negaranya (Guichard 1930).

JADUALI 1. Kedudukan Kapal British dan Jerman sehingga Disember 1914

Negara	Jumlah Kapal Melebihi 100 Muatan Tanan
Britain	
1. Ditangkap musuh	49
2. Ditahan di pelabuhan musuh	75
3. Berada di Laut Hitam dan Laut Baltic	71
Jerman	
1. Ditangkap musuh	80
2. Ditangkap di pelabuhan British dan negara bersekutu	166
3. Mencari perlindungan di negara berkecuali	646
4. Berada di pelabuhan Jerman	329
<b>Jumlah</b>	<b>1416</b>

Sumber: His Britannic Majesty's Government. 1915.

Sementara itu, dalam persidangan Parlimen di London, Mr. A. Shirley Benn seorang ahli perniagaan dan juga ahli politik yang mewakili *Plymouth Union* telah mendesak kerajaan British untuk melaksanakan sekatan terhadap Jerman dengan lebih berkesan tanpa mengganggu kepentingan ekonomi negara-negara berkecuali ketika Perang Dunia Pertama. Penekanan terhadap peranan British dalam pakatan negara-negara bersekutu diseru agar persetujuan dapat dicapai untuk menyekat sepenuhnya aktiviti perdagangan lautan Jerman. Sungguhpun begitu, Sir Edward Grey, Setiausaha Luar Britain menegaskan kesukaran kerajaan Britain untuk menyekat aktiviti perdagangan Jerman di pelabuhan-pelabuhan negara berkecuali. Jerman telah menggunakan pelabuhan-pelabuhan negara berkecuali sebagai transit bagi aktiviti perdagangan mereka untuk mengelak sekatan British. Kerajaan Britain menghadapi masalah bagi mendapatkan persetujuan dari negara-negara berkecuali seperti Sepanyol, Portugal, Greece dan Malta untuk melakukan sekatan perdagangan terhadap Jerman. Negara-negara ini telah mempunyai hubungan dagangan dengan Jerman sejak era sebelum perang lagi, serta amat memerlukan bekalan bahan dari Jerman. Disamping itu, Amerika Syarikat pada ketika ini turut tidak bersetuju dengan usaha sekatan ekonomi yang dilakukan oleh Britain. Oleh itu, Pejabat Hubungan Luar Britain telah mengambil langkah diplomasi dengan negara-negara berkecuali untuk mewujudkan hubungan dagangan mereka dengan cuba menggantikan peranan Jerman sebagai pembekal (The Mercury 28.1.1916).

Sebagai sebuah negara berkecuali, pelabuhan Switzerland juga penting sebagai tempat transit perdagangan komoditi buah-buahan dan sutera dari Jerman dan hub perdagangan negara Austria. Dalam masa yang sama, peranan sebagai pelabuhan berkecuali turut dimainkan oleh negara Denmark dan Belanda. Usaha sekatan perdagangan Britain dengan melibatkan Switzerland adalah sukar kerana sektor perdagangan negara ini dikawal oleh pakatan antara negara Itali, Perancis dan Rusia. Walau bagaimanapun, Britain berjaya mengikat persefahaman sekatan ekonomi dengan negara Norway yang melibatkan usaha mengehendkan import kelengkapan peperangan. Manakala kata sepakat antara Britain dengan Sweden pula melibatkan sekatan perdagangan kapas dan minyak

pelincir. Rintangan yang dihadapi Britain ketika ini adalah kerana pihak British tidak mempunyai sebarang hak berdasarkan undang-undang antarabangsa untuk menyekat kegiatan ekonomi negara lain. Masalah usaha sekatan perdagangan yang dihadapi Britain juga bertitik tolak daripada sikap Amerika Syarikat yang turut memainkan peranan sebagai negara neutral pada peringkat awal Perang Dunia Pertama. Amerika Syarikat telah mengamalkan sistem *navicert* iaitu satu sistem yang mula dilaksanakan pada tahun 1916 yang membenarkan kapal-kapal dari negaranya, terutamanya dari wilayah selatan untuk berlabuh di pelabuhan-pelabuhan negara neutral seterusnya mengadakan hubungan dengan pedagang Jerman (Carson 1917, CAB 1/22 fl-2).

Secara keseluruhannya, tindakan British untuk menyekat ekonomi Jerman boleh diteliti menerusi tiga faktor utama. Pertamanya, kegagalan Britain untuk mengorganisasi kaedah pengeluaran sumber ekonominya berbanding Jerman. Keduanya ialah kegagalan industri Britain untuk mengenal pasti kehendak pasaran dunia yang menyebabkan negara tersebut tidak mampu untuk memenuhi permintaan pasaran. Ketiga, sektor pembuatan Britain terutamanya dalam perindustrian yang tidak menggalakkan. Walaupun, London masih berperanan sebagai pusat entreport perdagangan di dunia, Jerman lebih jauh terkedepan dengan jumlah hasil pembuatannya yang mampu memenuhi keperluan pasaran dunia sehingga tamat perang. Oleh itu, amat penting bagi Britain untuk menyekat kemaraan ekonomi Jerman semasa dan selepas perang, supaya Jerman tidak akan mampu untuk bangkit lagi bukan sahaja sebagai kuasa ekonomi dunia, malah sebagai kuasa politik antarabangsa (High Commissioner Office 1916). Jadual 2 menunjukkan nilai eksport Jerman ke negara Eropah terpilih, termasuklah Tanah Melayu.

JADUAL 2. Eksport Jerman pada tahun 1913

Destinasi	Jumlah Eksport
Rusia	£48,100,000
Perancis	£38,800,000
Itali	£19,300,000
Belgium	£27,100,000
Tanah Melayu (Straits Dollar)	\$14,000,000

Sumber: High Commissioner for the Federated Malay States. 1914-1920.

## SEKATAN PERDAGANGAN JERMAN DI NNMB

Memetik ucapan Sir Arthur Young dalam persidangan MMP pada 3 November 1914,

‘Today for the first time in its history the Federal Council meets in circumstance of war, a war which has been force upon Great Britain and other Powers by the military clique which rules Germany’. (F.M.S. Government 1914)

Ucapan oleh beliau ini juga merupakan pengistiharaan penglibatan NNMB secara langsung dalam Perang Dunia Pertama sebagai proksi British. Di samping itu, deklarasi perang oleh Britain terhadap Jerman turut menyebabkan MMP meminda *Public Emergency Enactment* kepada *An Enactment to Vest in The High Commsissioner Exceptional Power in Times of Public Emergency* pada tahun 1914. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan pandangan Ahmad Kamal (2009: 104) bahawa asas bagi pindaan tersebut ialah ‘*This enactment was introduced basically to empower the High Commissioner in the local market, particularly the prices of food products*’. Kemudian, selepas 3 bulan daripada kelulusannya barulah enakmen tersebut dipinda sebagai strategi British untuk menghadapi musuhnya ketika perang. Namun, apabila diteliti kembali penjelasan Sir Arthur Young selaku Persuruhjaya Tinggi British ketika pindaan enakmen tersebut sebenarnya merupakan satu strategi perang sejak awal lagi,

‘It is a secret Bill. I received order after war broke out to proclaim it... It is essential in times of great emergency that almost dictatorial power should be placed in the hand of one man, and the King in Council had decided that the High Comissioner shall be that man’. (F.M.S. Government 1914)

Bukti ini menunjukkan bahawa enakmen ini sebenarnya merupakan usaha sekatan perdagangan awal oleh Britain terhadap Jerman di NNMB. Walaupun Sir Arthur Young mengakui tiada dasar sekatan rasmi oleh pihak kerajaan, tetapi menerusi pindaan enakmen ini Persuruhjaya Tinggi British mempunyai kuasa untuk ‘...*the punishment provided is chiefly for people who enhance price artificially during a time of siege or blockade*’. (F.M.S. Government 1914). Hal ini kerana, sebelum *The Trading with Enemy Enactment, 1914* diluluskan, perdagangan antara NNMB dengan negara-negara musuh British dikawal oleh Jabatan Perdagangan dan Kastam. Kawalan kerajaan

NNMB terhadap sektor perdagangan adalah untuk membolehkan Britain menggunakan kekuatan ekonomi yang dimilikinya untuk membiayai kos pertahanannya. Keperluan untuk British mengawal dengan ketat kewangan NNMB adalah untuk membolehkan dana dan sumbangan kewangan dapat disalurkan kepada kerajaan imperial British di London. Hal ini kerana, kerajaan Britain terpaksa menanggung bebanan kewangan yang tinggi untuk menghadapi perang (Mohd Shazwan & Mohd Samsudin 2015).

Dasar sekatan perdagangan secara khusus dapat dilaksanakan oleh British menerusi pindaan *Public Emergency Enactment* pada tahun 1914. Menerusi enakmen ini, Persuruhjaya Tinggi British mempunyai kuasa untuk menyekat sebarang eksport produk makanan ke luar NNMB dan berkuasa untuk menggubal undang-undang pelabuhan (*The Straits Times*, 11 Ogos 1914). Pindaan enakmen ini dilakukan bagi membolehkan memorandum dari Jawatankuasa Pertahanan Imperial (JPI) di London, yang mengarahkan seluruh empayarnya menyekat perdagangan dengan pihak musuh ketika perang dapat dilaksanakan di NNMB. (Committee of Imperial Defence, 3 Mac 1914, CAB/38/26/11). Hal ini kerana arahan daripada JPI ini tidak terpakai di NNMB disebabkan statusnya sebagai negeri naungan. Namun, pindaan terhadap ‘*Public Emergency Enactment*’ ini, telah meletakkan NNMB dibawah pentadbiran Gabenor NNS yang merupakan Tanah Jajahan Mahkota British ketika era perang. Selain sebagai usaha awal untuk menyekat perdagangan Jerman, enakmen ini juga merupakan satu langkah drastik MMP untuk mengatasi masalah peningkatan harga makanan yang disebabkan kurangnya bekalan makanan (F.M.S. Government 1914).

Berdasarkan memorandum dari JPI pada tahun 1914 juga, setiap tanah jajahan British telah mengambil langkah untuk menyekat perdagangan Jerman khususnya di pelabuhan-pelabuhan negara berkecuali. Sungguhpun begitu, usaha sekatan ini adalah berbeza di setiap wilayah empayar British. Justeru, kerajaan Britain telah merangka dua bentuk sekatan, (1) sekatan mutlak dengan senarai komoditi perdagangan tertentu dan (2) sekatan terhadap eksport kepada negara-negara musuh berdasarkan senarai komoditi yang dirasakan memberi manfaat kepada negara musuh (Committee of Imperial Defence 1914, C.A.B 38/28/51). Pembentukan dua dasar sekatan ini sebenarnya boleh dikaitkan dengan faktor undang-



undang maritim antarabangsa *Prize Court* yang hanya terpakai terhadap negara-negara anggota Deklarasi London 1909.

Kesan penting pemusatan kuasa Pesuruhjaya Tinggi British ini telah meletakkan aktiviti perdagangan antarabangsa di Semenanjung Tanah Melayu dibawah perlindungan Pejabat Tanah Jajahan (PTJ) di London. Situasi ini sebenarnya telah membolehkan British untuk mengawal sepenuhnya perdagangan komoditi getah NNMB yang perlu melalui pelabuhan Singapura dan Pulau Pinang yang mempunyai kepentingan perdagangan dengan Amerika Syarikat (F.M.S. Government 1917). Oleh sebab itu, sebagai pusat pasaran kolonial pelabuhan Singapura dan Pulau Pinang perlu dilindungi British. Pelindungan ini penting kerana, kedua-dua pelabuhan ini amat signifikan bagi perdagangan antarabangsa NNMB, khususnya untuk memasarkan komoditi getah dan timah. Namun, bagi import atau eksport dari NNMB ke Eropah boleh dilakukan menerusi Port Swettenham dan pelabuhan Melaka (High Commissioner for the Federated Malay States 1914-1920). Jadual 3 menunjukkan nilai eksport timah NNS ke Amerika Syarikat ketika era perang.

JADUAL 3. Eksport Timah ke Amerika Syarikat dari NNS ketika Perang Dunia Pertama

Tahun	Jumlah Eksport (tan)
1914	35,459
1915	42,071
1916	42,992
1917	32,675
1918	34,243
1919	29,225

Sumber: F.M.S. Government 1921.

Selain itu, tindakan MMP meluluskan *The Trading with the Enemy Enactment, 1914* telah membolehkan kerajaan Britain untuk menyekat perdagangan musuhnya dengan lebih meluas. Menerusi enakmen ini pedagang-pedagang di NNMB dilarang sama sekali untuk mengadakan sebarang bentuk urusan dagangan dan perniagaan dengan musuh British. Oleh itu, mana-mana kapal British dilarang untuk belayar atau memasuki atau mengadakan hubungan dengan mana-mana pelabuhan negara musuh. Pelaksanaan enakmen ini sebenarnya berdasarkan Proklamasi Diraja berkaitan urusan perdagangan dengan musuh yang telah diluluskan di NNS pada 6 Ogos 1914 (The

Straits Times, 16 September 1914). Kemudian, pada tahun 1916 enakmen ini telah dipinda untuk meluaskan lagi skop sekatan perdagangan terhadap negara musuh British, dengan menghalang sebarang bentuk hubungan dagangan antara NNMB dengan mana-mana firma musuh (F.M.S. Government 1916). Namun, tindakan MMP untuk melaksanakan enakmen yang diambil terus dari England pada peringkat awal ini telah mewujudkan kebingungan dalam kalangan firma-firma asing di Tanah Melayu. Aspek takrifan terhadap enakmen yang telah diluluskan MMP sering menjadi masalah dalam kalangan peniaga dan pedagang di NNMB. Oleh sebab itu, apabila diteliti kembali siri pindaan enakmen yang dilakukan MMP, bukan sahaja sebagai langkah mengukuhkan lagi usaha sekatan, malah penambahbaikan terhadap aspek pentakrifan istilah dalam enakmen tersebut. Antara kes awal yang melibatkan masalah kekeliruan pentakrifan istilah *The Trading with the Enemy Enactment, 1914* ialah, kes mahkamah antara *Continental Tyre Company* (Great Britain) melawan *Thomas Tiling, Limited* dalam isu pentakrifan istilah *enemy*. Dalam kes ini Syarikat Tiling enggan membayar hutangnya sebanyak £5,753 kerana menganggap Syarikat Continental ialah syarikat musuh memandangkan Syarikat Continental mempunyai cawangan di Jerman dan juga seorang warganegara Jerman merupakan pemegang saham syarikat tersebut. Akhirnya, Syarikat Tiling diarahkan oleh mahkamah untuk membayar hutangnya kerana mahkamah mendapati urusan niaga yang dijalankan oleh kedua-dua syarikat ini sah, kerana Syarikat Tiling bukannya berurusan dengan cawangan Syarikat Continental di Jerman yang dianggap sebagai musuh (The Straits Times, 24 Disember 1914).

Seterusnya, pada tahun 1915 British telah melaksanakan dasar *the strategy of business as usual*, kerana tumpuan British pada ketika ini adalah untuk menggunakan tentera lautnya dalam usaha sekatan perdagangan. Walaupun Britain masih mengekalkan ekonomi pasaran bebas (*laissez-faire*) ketika perang, kerajaan Britain tetap mengawal ketat aktiviti ekonomi negaranya. Usaha sekatan ekonomi terhadap Jerman dan sekutunya oleh British ini sebenarnya bukanlah berdasarkan keperluan ekonomi tetapi berasaskan strategi tentera lautnya ketika awal Perang Dunia Pertama. Menerusi laporan akhbar '*Straits Echo*'

pada tahun 1916, Mr. C.W. Darbshire Presiden bagi 'Singapore Chamber of Commerce' amat yakin usaha sekatan perdagangan British terhadap Jerman akan berjaya dilaksanakan. Namun, komuniti pedagang di Singapura tetap mahu pihak British untuk memastikan aktiviti perdagangan tidak terganggu demi kepentingan ekonomi mereka. Memetik kata-kata Mr. C.W. Darbshire (Straits Echo, 25 Mac 1916), "By all means let us defeat the Germans alike by force of arms and in the trade war to follow, but do not let us cut off our nose to spite our face". Sungguhpun begitu, dalam persidangan MMP pada 27 April 1915, *Alien Enemies (Winding Up) Enactment* telah diluluskan untuk memberikan kuasa kepada Ketua Setiausaha NNMB untuk melemahkan perniagaan yang dilakukan oleh firma-firma musuh, walaupun tidak banyak firma musuh yang melakukan perniagaan di NNMB (F.M.S. Government 1915). Manakala, pindaan pada tahun 1916 pula telah membolehkan kerajaan NNMB untuk menahan apa sahaja bentuk harta musuh yang boleh digunakan untuk tujuan perang (F.M.S. Government 1916). Tindakan MMP meluluskan enakmen yang juga dikuatkuasakan di NNS ini adalah sebagai langkah untuk meluaskan lagi sekatan terhadap perdagangan musuh dengan menyekat sepenuhnya aktiviti pedagang-pedagang dari negara musuh di pelabuhan-pelabuhan Tanah Melayu. Hal ini kerana, keadaan perang di Eropah telah menyebabkan keadaan perniagaan British di Tanah Melayu tergugat. Terutamanya apabila Jerman telah berjaya memusnahkan kapal-kapal British di Teluk Benggal, India. Kesan buruk daripada serangan ini menyebabkan syarikat *British Mercantile Marine* kerugian, apabila Jerman memusnahkan kapal Troilus yang membawa kargo

dari Singapura untuk laluan perdagangan Colombo – Aden – Liverpool (Jarman 1998: 1914).

Usaha untuk menyekat perdagangan Jerman di NNMB yang lebih ketat dalam aktiviti eksport dilakukan apabila MMP meluluskan *The Customs (War Powers) Enactment* pada tahun 1916. Usaha ini boleh dikaitkan dengan tumpuan MMP untuk melindungi eksport perdagangannya, khususnya eksport timah dan getah ke Eropah untuk kegunaan perang. Malah menerusi peningkatan eksport ketika era perang ini jugalah telah menyumbang kepada peningkatan tabung lebihan kewangan NNMB. Enakmen ini juga merupakan langkah *emergency war* bagi mengelakkan negara musuh daripada mendapatkan bekalan timah dan getah dari NNMB. Berbanding dengan enakmen sebelum ini, *The Customs (War Powers) Enactment* telah meningkatkan lagi kuasa kerajaan NNMB untuk menguruskan eksport barangannya. Hal ini kerana, peruntukan untuk menghalang eksport dari NNMB ke pelabuhan tertentu dalam enakmen-enakmen sebelum ini dilihat tidak berkesan. Justeru, menerusi *The Customs (War Powers) Enactment*, Persurujaya Tinggi British mempunyai kuasa untuk meluluskan atau menghalang urusan penghantaran kargo dari NNMB ke pelabuhan yang dirasakan dikuasai pihak musuh. Enakmen ini turut mengawal dengan ketat aktiviti import dan eksport NNMB, khususnya aktiviti dagangan dengan pelabuhan selain pelabuhan Britain atau mana-mana pelabuhan tanah jajahan dan negeri naungannya (F.M.S. Government 1916). Jadual 4 menunjukkan perbandingan nilai eksport antarabangsa NNMB antara tahun 1914 dengan 1915.

JADUAL 4. Nilai Eksport NNMB bagi Tahun 1914-1915

		NNS	United Kingdom	Tanah Jajahan lain	Negara Asing	Jumlah
Perak	1914 (\$)	59,991,514	1,140,762	605,165	292,652	62,030,093
	1915 (\$)	83,918,564	725,130	468,334	671,186	85,783,214
Selangor	1914 (\$)	24,397,436	19,092,221	1,148,983	1,896,019	46,534,659
	1915 (\$)	28,130,031	25,038,540	1,446,700	526,346	55,141,617
Negeri Sembilan	1914 (\$)	9,256,409	2,419,791	101,362	109,012	11,886,574
	1915 (\$)	16,339,976	2,756,056	91,818	86,485	19,274,335
Pahang	1914 (\$)	5,942,314	76,870	2,250	160	6,021,594
	1915 (\$)	7,115,067	74,638	3,152	17,216	7,210,073

Sumber: F.M.S. Government Annual Report on the Trade & Customs Department for the year 1915

Usaha sekatan perdagangan Jerman dan negara-negara sekutunya oleh British di NNMB lebih strategik selepas Parlimen Britain meluluskan persetujuan persidangan negara-negara bersekutu yang diadakan di Paris pada tahun 1916. A. Bonar Law, Perdana Menteri Britain telah mengedarkan kertas parlimen yang mengandungi dokumen persidangan tersebut ke semua tanah jajahan dan negeri naungan Britain bagi memastikan setiap pentadbir di wilayah tersebut dapat mengaplikasikan keputusan kerajaan Britain. Asas sekatan perdagangan yang penting dalam kertas persidangan ini ialah negara-negara bersekutu telah bersetuju untuk menghalang rakyat mereka daripada mengadakan sebarang hubungan perdagangan dengan,

1. pedagang dari negara musuh tanpa mengira taraf warganegara mereka.
2. rakyat negara musuh tanpa mengira tempat tinggal mereka
3. orang perseorangan, firma dan syarikat yang mana perniagaannya dikawal secara sebahagian atau keseluruhan oleh rakyat negara musuh atau individu yang dipengaruhi musuh.

Selain itu, negara-negara bersekutu turut bersetuju untuk menghalang import yang datang dari negara musuh dan membolehkan kontrak-kontrak perdagangan dan perniagaan dengan negara musuh dibatalkan tanpa syarat (High Commissioner Office 1916.).

Dalam konteks NNMB pula Ketua Setiausaha telah memainkan peranan penting untuk melindungi kepentingan ekonomi British. Justeru, asas sekatan perdagangan yang dipersetujui negara-negara bersekutu telah dilaksanakan di NNMB menerusi pekeliling dari PTJ pada 25 September 1916. PTJ mengarahkan agar NNMB melaksanakan *Recommendations of Economic Conference of the Allies, 1916*. Rekomendasi ini kemudiannya telah di gazetkan pada 10 November 1916 (F.M.S Government Gazette Vol. VIII, 1916). Bagi memastikan rekomendasi ini dilaksanakan, pindaan telah dilakukan terhadap enakmen-enakmen seperti *The Alien Enemies (Wide Up)* dan *The Trading With The Enemies*.

Tambahan pula, tindakan MMP meluluskan *The Trading with the Enemy and The Export of Prohibited Goods Enactment, 1917* merupakan langkah pengukuhan terhadap *The Trading with the Enemy Enactment, 1914*. Enakmen ini

merupakan pengukuhan kepada usaha sekatan untuk menghalang segala aktiviti perdagangan musuh dan halangan eksport komoditi yang telah ditetapkan oleh kerajaan (F.M.S. Government 1917). Usaha sekatan perdagangan yang ketat ini, membuktikan British mempunyai kepentingan yang tinggi dalam sektor perdagangan di NNMB. Selain untuk melindungi kepentingan ekonominya, Britain juga perlu menjadikan usaha sekatan ini sebagai strategi perang yang berkesan untuk menyekat kemajuan Jerman dan negara bersekutu dalam perdagangan antarabangsa.

Selain sekatan sektor perdagangan, MMP turut mengenakan sekatan sektor peladangan getah terhadap Jerman. MMP sedar pelabur-pelabur dari negara musuh turut tertarik dengan dengan industri getah di NNMB. Oleh itu, menerusi *The Rubber Lands (Restriction) Enactment, 1917*, tanah-tanah ladang di NNMB dihalang sama sekali untuk dimiliki oleh firma asing ketika perang, kecuali rakyat Raja-Raja Melayu dan warganegara Britain. Ketika enakmen ini dibentang dalam sidang MMP, Penasihat Undang-Undang MMP ketika itu Mr. Frederick Belfield menegaskan bahawa enakmen ini juga merupakan satu strategi perang yang diarahkan oleh Setiausaha Tanah Jajahan di London untuk dilaksanakan di NNMB. Malah, wakil *Chamber of Mines* iaitu Mr. R. P. Brash turut menzahirkan persetujuan organisasi tersebut sekiranya MMP turut melakukan sekatan terhadap tanah-tanah pelombongan (F.M.S. Government 1917).

Usaha sekatan ekonomi ini sememangnya memberi tekanan yang kuat terhadap Jerman. Pada tahun 1917 melalui perantaraan kerajaan Belanda, kerajaan Jerman telah meminta agar kesemua kepentingan ekonominya di NNMB diserahkan di bawah pentadbiran Konsul Jeneral Amerika Syarikat di NNMB (High Commissioner for the Federated Malay States 1914-1920, H.C.O MISC 967/1917). Hal ini boleh dikaitkan dengan pindaan *The Trading with the Enemy Enactment, 1914* dan *The Trading With the Enemy Amendment Enactment, 1916* yang membolehkan kerajaan NNMB untuk menahan kepentingan atau pemilikan firma-firma perniaga musuh British di NNMB. Selain itu, dalam tahun yang sama juga pindaan terhadap *Allies Enemies (Winding Up) Enactment, 1915* membolehkan kerajaan NNMB untuk menyekat mana-mana individu yang menjalankan perniagaan di negara musuh, serta pengurangan hak terhadap pembeli barangan negara musuh

(F.M.S. Government 1916). Malah, dalam kes-kes tertentu firma-firma Jerman ini terpaksa berlindung di Indonesia untuk mengelakkan sekatan di Tanah Melayu. Contohnya, Syarikat Behn, Meyer & Co. yang terpaksa menubuhkan syarikat perkongsian bersama dengan *Straits Java Trading Co., N.V.* yang didaftarkan di Betawi dengan melantik seorang pengarah berbangsa Belanda pada tahun 1919 (Shakila 2011).

Kegagalan pedagang-pedagang Jerman untuk menembusi pasaran ekonomi NNMB ini telah menyebabkan pasaran ekonomi di NNMB tidak kompetitif. Keadaan ini secara tidak langsung mendorong komuniti pedagang British di Tanah Melayu bersikap positif untuk menggantikan produk atau barangan musuh dalam pasaran ekonomi. Keyakinan ini adalah berdasarkan kekuatan sumber bahan mentah dan kadar simpanan emas yang dikuasai oleh British di seluruh empayarnya. Tambahan lagi, *FMS Chamber of Mines* dan *FMS Chamber of Commerce* bersama-sama berkongsi pendirian agar perdagangan Jerman di NNMB bukan hanya disekat ketika era perang, bahkan selepas perang (High Commissioner Office 1916, H.C.O 8350/16). Oleh itu, firma-firma British

dan negara bersekutu mula untuk membuka perniagaan mereka di NNMB bagi menggantikan perniagaan-perniagaan musuh. Pada tahun 1917 '*Allied Manufacturers Guild Limited*' yang berpangkalan di London telah berminat untuk melabur dalam sektor perdagangan British di NNS yang juga mempunyai kepentingan komersial dengan NNMB (High Commissioner for the Federated Malay States 1914-1920). Seterusnya, dasar sekatan perdagangan di NNMB ini turut dilakukan dengan mengambil kira risiko persaingan perdagangan yang bakal dihadapi oleh pedagang-pedagang di Tanah Melayu. Hal ini kerana, British perlu melindungi kepentingan pedagang-pedagang di Tanah Melayu daripada terus bersaing dengan pedagang-pedagang Jerman yang berlindung di pelabuhan negara-negara berkecuali di Asia Tenggara (The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser, 30 Ogos 1917). Walaupun begitu, usaha sekatan perdagangan dan perniagaan terhadap Jerman di NNMB boleh dikatakan berjaya kerana secara keseluruhannya jumlah eksport Jerman dalam perdagangan antarabangsa telah jatuh dengan mendadak sehingga tahun 1918 seperti rekod dalam Jadual 5.

JADUAL 5. Nilai Perdagangan Jerman 1913-1918

Tahun	Import (Mark)	Eksport (Mark)
1913	10.8	10.1
1914	8.5	7.4
(Ogos - Disember)	2.1	1.4
1915	7.1	3.1
1916	8.4	3.8
1917	7.1	3.5
1918	7.1	4.7

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada Ritschl (2003:10) dan Hardach (1973:33).

Menerusi persidangan pada tahun 1917 pula, MMP mengakui bahawa usaha-usaha sekatan perdagangan Jerman di NNMB adalah berkesan. Oleh itu, usaha-usaha sekatan ini perlu dilakukan hingga selepas tamat perang. Keputusan MMP ini adalah untuk memastikan Jerman tidak mampu untuk bangkit sebagai sebuah kuasa ekonomi sekali lagi. Usaha sekatan selepas perang dilakukan menerusi *The Banking (Restriction) Enactment, 1919* yang telah diluluskan MMP pada tahun 1919. Enakmen ini memberi kuasa kepada Persurujaya Tinggi British untuk mengawal perniagaan

perbankan oleh Jerman dan negara musuh lain yang beroperasi di NNMB. Hal ini mengambil kira peruntukan dalam enakmen *The Trading With The Enemies 1914* yang hanya memberi kuasa kepada Persurujaya Tinggi British untuk mengawal perniagaan perbankan Jerman dan negara musuh dalam tempoh perang sahaja. Justeru, *The Banking (Restriction) Enactment, 1919* merupakan satu usaha sekatan jangka panjang terhadap institusi dan kepentingan kewangan Jerman di NNMB selepas tamat perang (F.M.S. Government 1919).

Selain itu, pada bulan Ogos 1919 satu pekeliling daripada Setiausaha Perang kerajaan British iaitu The Viscount Milner telah dihantar kepada Persurujhaya Tinggi British di NNMB. Milner mengarahkan agar usaha sekatan terhadap Jerman terus ditingkatkan terutamanya dalam aktiviti eksport. Tindakan ini merupakan satu usaha untuk mengelakkan Jerman daripada memperolehi bahan mentah untuk keperluan sebarang persiapan perang. Namun import dari negara musuh ke NNMB dibenarkan dengan syarat barangan tersebut tidak melebihi 5% berasal dari Jerman (High Commissioner for the Federated Malay States. 1914-1920, H.C.O 1879/1919). Antara barangan yang dilarang untuk dieksport ke Jerman ialah barangan keperluan perang seperti arang batu, kayu, keluli dan besi (High Commissioner for the Federated Malay States 1914-1920, H.C.O 1018/1919). Di samping itu, berdasarkan arahan Setiausaha Tanah Jajahan kepada Persurujhaya Tinggi British di NNMB, kerajaan perlu mengawal aktiviti perdagangan dengan melaksanakan Peraturan 4I(d) 'Defence of the Realm Regulations'. Berdasarkan peraturan ini, golongan pedagang dan peniaga di NNMB perlu memperolehi lesen daripada kerajaan untuk menjalankan urusan perdagangan, aktiviti komersial dan transaksi kewangan dengan mana-mana golongan perniagaan Jerman (High Commissioner for the Federated Malay States 1914-1920, H.C.O 1478/1919). Manakala, setelah MMP meluluskan *The Treaty of Peace Enactment, 1920* dengan mengambil kira prinsip dalam Perjanjian Versailles, kesemua kepentingan ekonomi Jerman yang diambil alih oleh kerajaan NNMB telah ditukar taraf kepada bayaran ganti rugi peperangan di NNMB (F.M.S. Government 1920).

#### KESIMPULAN

Usaha sekatan perdagangan terhadap Jerman secara keseluruhannya telah membawa kepada perubahan perundangan MMP sejak tahun 1909 hinggalah awal tahun 1920-an. Oleh sebab, taraf NNMB sebagai negeri naungan menghalang pihak British untuk menguatkuasakan undang-undang sekatan dari London, MMP telah digunakan untuk mengabsahkan usaha sekatan perdagangan antarabangsa NNMB khususnya dengan Jerman. Kejayaan pihak British menggunakan MMP untuk

menyekat perdagangan Jerman tidak menghalang NNMB untuk meningkatkan lebihan (*surplus*) kewangannya, sehingga mampu untuk menyalurkan dana pembiayaan perang untuk British. Osborne (2013: 217) menegaskan "*Great Britain's economic blockage of German in World War I was one of the key elements to the victory of the Entente*". Namun, usaha pengumpulan lebihan (*surplus*) eksport perdagangan ini akhirnya telah membawa kepada krisis ekonomi pada awal tahun 1920-an (Nadaraja 2016). Sungguhpun begitu, terdapat lompang-lompang yang boleh dikesan menerusi usaha sekatan ini apabila terdapat pedagang-pedagang bukan sahaja dari Jerman malah negara lain yang menggunakan negara-negara berkecuali sebagai pusat transit perdagangan mereka semata-mata untuk meneruskan hubungan perdagangan dengan Jerman. Dalam pada itu, usaha sekatan perdagangan ini juga tidak menyekat aktiviti perdagangan NNMB secara keseluruhan kerana sejak perang diistiharkan hinggalah tahun 1919 nilai eksport NNMB meningkat dengan mendadak. Tambahan lagi, peningkatan ini sebenarnya didorong oleh permintaan yang tinggi terhadap bahan mentah ketika perang terutamanya Amerika Syarikat.

#### RUJUKAN

- Ahmad Kamal Ariffin Mohd Yus. 2009. The Federated Malay States' tacit involvement in the First World War, 1914-1918. *Jurnal Sarjana* 24(1): 102-118.
- Azlizan Mat Enh. 2010. Krisis Bosnia-Herzegovina 1908: Peranan dan reaksi kuasa-kuasa besar. *Akademika* 78(Jan-April): 47-57.
- Bacon, R. 1919. *The Dover Patrol 1915-1917*. Vol. I & II. New York: George H. Doran Company.
- Belfield, H. C. 1902. *Handbook of the Federated Malay States*. London: Edward Stanford.
- Carson, E. 1917. *Memorandum to War Cabinet on trade blockade*, January. CAB 1/22/ f1-2.
- Colonial Office. 1896-1948. *C.O 576 Federated Malay States Sessional Papers*. London.
- Committee of Imperial Defence. 1914. *Minutes of the 125<sup>th</sup> Meeting*, 3 March. CAB 38/26/11.
- Committee of Imperial Defence. 1914. *Report on the Opening of the War 1914*. CAB 38/28/51
- F.M.S. Government. 1909. *Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council*. Kuala Lumpur.

- F.M.S. Government. 1912. *Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council*. Kuala Lumpur.
- F.M.S. Government. 1914. *Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council*. Kuala Lumpur.
- F.M.S. Government. 1915. *Annual Report on the Trade & Customs Department*. Kuala Lumpur.
- F.M.S. Government. 1915. *Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council*. Kuala Lumpur.
- F.M.S. Government. 1916. *Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council*. Kuala Lumpur.
- F.M.S. Government. 1917. *Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council*. Kuala Lumpur.
- F.M.S. Government. 1919. *Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council*. Kuala Lumpur.
- F.M.S. Government. 1921. *Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council*. Kuala Lumpur.
- F.M.S. Government. 1920. *Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council*. Kuala Lumpur.
- F.M.S. Government. 1921. *Annual Report on the Federated Malay States*. Kuala Lumpur.
- F.M.S. Government Gazette. 1916. Vol. VIII, Circular dispatch from Secretary of State for the Colonies.
- Guichard, L. 1930. *The Naval Blockade 1914-1918*. New York: D. Appleton & Company.
- Hardach, G. 1973. *Der Erste Weltkrieg*. Munchen: Deutscher TaschenbuchVerlag.
- High Commissioner for the Federated Malay States. 1914-1920. *H.C.O 1018/1919, 1455/1917, 1478/1919, 1879/1919, Colonies 428/1915, MISC 967/1917*. Kuala Lumpur.
- High Commissioner Office. 1916. *Trade After War*. H.C.O. 8350/16. Kuala Lumpur.
- His Britannic Majesty's Government. 1909-1910. *Foreign Office F.O 371, 372, 7014*. London.
- His Britannic Majesty's Government. 1915. *Secretary of State Sect. State 183/1915*. London.
- Jarman, R. L. (ed.). 1998. *Annual Reports of the Straits Settlements 1855-1941, Volume 6: 1908-1914*. Slough: Archives Editions.
- Mohd Shazwan Mokhtar. 2016. Liberalisasi perdagangan bebas Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dalam konteks neomerkantilisme, 1909-1913. *In-House Seminar: Revisiting Malaysian History* 1(1): 25-39.
- Mohd Shazwan Mokhtar & Mohd Samsudin. 2015. 'Kill German Trade': Penilaian Terhadap Usaha British Membendung Perdagangan Musuh Di Tanah Melayu Sewaktu Perang Dunia Pertama, In Seminar Antarabangsa ke-4 Arkeologi, Sejarah dan Budaya Di Alam Melayu 4, edited by Zuliskandar Ramli, Mohd Samsudin, Muhlis Hadrawi and Akin Duli. Bangi: ATMA UKM.
- Nadaraja, K. 2016. Malay reaction to the 1930s economic depression in Malaya. *Jebat* 43(1): 46-64.
- O'regan, J.R.H. 1915. *The German War of 1914: Illustrated by Documents of European History, 1815-1915*. London: Oxford University Press.
- Osborne, E. W. 2013. *Britain's Economic Blockade of Germany 1914-1919*. New York: Routledge.
- Ritschl, A. 2003. *The Pity of Peace: Germany's Economy at War, 1914-1918 and Beyond*. Tesis Sarjana. School of Business and Economics, Humboldt University Berlin, Berlin.
- Scott, J. B. 1919. *A Collection of Official Papers and Documents Relating to the International Naval Conference Held in London December, 1908 - February, 1909*. New York: Oxford University Press.
- Selangor State Government. 1915. *Selangor Secretary Sel. Sec. 0050/1915*. Selangor.
- Straits Echo*. 1916. German Trade in the Straits, 25 March.
- Swettenham, F. 1906. *British Malaya*. London: The Bodley Head.
- Syakila Yacob. 2011. Risiko, politik dan perniagaan Jerman di Tanah Melayu: Kajian kes Syarikat Behn, Meyer & Co., 1980-1959. *Jurnal Sejarah* 19: 23-46.
- The Mercury*. 1916. Naval Operations, 28 January.
- The National Archives. 2016. The Blockade of Germany. <http://www.nationalarchives.gov.uk/pathways/firstworldwar/spotlights/blockade.htm>. Retrieved on: 12 May 2016.
- The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*. 1917. Enemy Trade in Malaya, 30 August.

*The Straits Times*. 1914. Trading with Enemies, 24 December.

*The Straits Times*. 1914. Trading with the Enemy, 16 September.

*The Straits Times*. 1914. Untitled, 11 August.

Mohd Shazwan Mokhtar (corresponding author)  
Pusat Penyelidikan Politik dan Keselamatan  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor  
Malaysia  
E-mail: [msm@ukm.edu.my](mailto:msm@ukm.edu.my)

Mohd Samsudin  
Pusat Penyelidikan Politik dan Keselamatan  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor  
Malaysia  
E-mail: [moss@ukm.edu.my](mailto:moss@ukm.edu.my)

Received: 19 June 2016

Accepted: 22 December 2016

